

Sapawi saran UMS ambil pelajar berpotensi

KOTA KINABALU: Pihak pengurusan Universiti Malaysia Sabah (UMS) disaran membuka ruang dengan mengambil pelajar yang mempunyai bakat berpotensi dalam arena sukan, sekalipun hanya memiliki keputusan minima.

Pembantu Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Datuk Haji Sapawi Haji Ahmad, berkata langkah itu bertujuan memberikan kesempatan kepada pelajar melanjutkan pengajian yang berkeungkinan mereka boleh lahir sebagai graduan dalam bidang sukan.

Beliau membuat saranan itu semasa berucap merasmikan Kejohanan Olahraga kali ke-5 UMS 2002 petang Jumaat di kompleks sukan universiti itu sewaktu mewakili Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Datuk Haji Yahya Hussin.

“Saya percaya dengan ruang terbuka ini secara tidak langsung pihak pengurusan universiti dapat melahirkan atlit berpotensi disamping menjadikannya sebagai pembakar semangat kelangan penuntut berkecimpung dalam arena sukan,” jelasnya penuh yakin.

Menurutnya, di samping pihak universiti bertungkus-lumus melahirkan bibit berilmu dalam bidang akademik, ia juga berupaya mengangkat nama UMS di persada kegemilangan melalui arena sukan.

Sempena temasya sukan universiti itu, turut hadir naib canselor UMS Profesoer Tan Sri Dr. Hassan Othman, timbalan naib canselor (hal ehwal pelajar) merangkap pengerusi majlis Profesor Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin yang juga selaku penjawat jawatan pembangunan dan pendidikan UMS serta Exco sukan dan rekreasi majlis perwakilan pelajar merangkap ketua pengarah kejohanan olahraga ke-5 UMS Nazrul Hisahm Isyak.

Mengenai temasya sukan universiti itu, pembantu menteri tersebut melahirkan keyakinan bahawa kejayaan yang disasarkan mampu dicapai sekiranya atlit-atlit dari universiti menanamkan semangat tinggi dengan mengadakan latihan berterusan dan terancang kerana UMS sendiri mempunyai kemudahan sukan tersendiri.